

PELUANG pendidikan kanak-kanak di Baghpat diparahkan dengan tindak-tanduk guru sekolah yang memonteng sekolah.

kosmo 21/9/12 MS 22.



# Ketidakhadiran guru satu pembaziran

Susunan NIZHA PERIASWAMY  
nizha.periaswamy@kosmo.com.my

**P**ADA hari-hari tertentu di sekolah rendah di India, satu daripada empat orang guru akan hilang. Ia merupakan satu pembaziran ilmu bagi sebuah negara yang menampung penduduk muda sebagai tiket untuk menempah status kuasa besar.

Di daerah miskin dan pertanian, Baghpat di Uttar Pradesh, sebuah negeri yang merupakan rumah kepada hampir 200 juta orang, nisbah satu daripada enam orang rakyat India, ma-

Setiap negara di Asia mempunyai fenomena yang berbeza dari aspek pembangunan pendidikan. Selain menetapkan standard yang tinggi seperti Singapura, India dan China pula berdepan dengan ancaman pendidikan yang mendukacitakan.

salah ketidakhadiran menimpa kedua-dua pihak, murid-murid dan guru-guru.

Seorang guru besar yang kecewa menunjukkan rekod daftar kakitangan di sekolahnya. Dua daripada tujuh guru sepenuh masa tidak berada di situ. Seorang daripadanya dilihat hanya hadir beberapa kali pada tahun 2012 disebabkan oleh cuti berpaten perubatan dan penjagaan anak.

“Ramai guru yang tidak mahu bekerja,” dia mengadu di pejabatnya yang kelihatan ringkas dengan cahaya yang terbatas, sambil meminta supaya namanya tidak didedahkan kerana sensitiviti isu yang dikongsi.

“Kerajaan menyediakan buku, pakaian seragam dan makanan tengah hari kepada semua pelajar secara percuma. Mereka belanja begitu banyak wang, tetapi jika guru tidak berdedikasi maka semua wang hanya satu pembaziran.”

Di sekolah-sekolah lain di sekitar kawasan itu, jarak kira-kira dua jam dari New Delhi, kekurangan guru disebabkan ketidakhadiran atau pengambilan guru yang terhad.

Dalam satu pendedahan terkini di kawasan itu menyaksikan seramai 77 orang guru dipecat selepas penyiataan oleh kolej latihan tempatan mendedahkan mereka telah memalsukan sijil sekolah mereka sendiri.

Sistem pendidikan pada hari ini



**KERAJAAN** di India akui menyediakan sebahagian besar belanjawan untuk meningkatkan tahap pendidikan namun, ramai yang persoal apabila dihantui masalah campur tangan politik dan sosial.

membekal masalah pada masa depan, kata pakar.

“Kami memiliki penduduk yang sangat muda dan ia mempunyai banyak potensi,” kata Rukmini Banerji dari kumpulan penyelidikan dan pendidikan terkemuka India, Pratham kepada AFP.

“Jika anda mahu kanak-kanak bermula 10 tahun dari sekarang untuk

mempunyai kemahiran asas pendidikan abad ke-21, anda perlu bermula dari sekarang di gred satu dan dua. Jika kita tidak melakukannya, kita akan kehilangan satu peluang yang unik.”

### Mengukur ketidakhadiran

Secara umum, sekolah rendah kerajaan negeri di India amat mendukacitakan,” kata seorang profesor di

Universiti California dan penyelidik sistem India, Karthik Muralidharan.

Kajian beliau tentang ketidakhadiran guru, dilakukan bersama-sama dengan ahli akademik lain dan Bank Dunia, menyediakan angka konkrit bagi masalah ini kerana mereka mengadakan lawatan dari semasa ke semasa ke sekolah-sekolah di seluruh negara.

Pada tahun 2003, satu kaji selidik mendapati purata 25 peratus guru sekolah rendah kerajaan negeri tidak hadir pada satu-satu masa. Penyelidikan semula pada tahun 2010 mendapati, angka itu telah meningkat sedikit kepada 23.7 peratus. Di Uttar Pradesh, kadar itu masih lebih daripada 30 peratus.

Beberapa ketidakhadiran adalah sah seperti cuti sakit, bersalin atau penjagaan kanak-kanak, sebagai contoh, tetapi kira-kira 60 peratus adalah atas sebab-sebab yang boleh dipersoalkan.

Dalam kes-kes yang paling buruk, guru-guru yang mempunyai pengaruh politik bertindak bekerja di tempat lain dengan merasuah pihak pemeriksa sekolah dan terus menerima gaji mereka.

Kos keseluruhan guru-guru yang tidak hadir kepada kerajaan boleh mencapai Rs85 bilion (RM4.8 billion) setahun, anggaran Karthik dalam penyelidikan baharu yang belum diterbitkan lagi.

KOSMO 21/9/12 MS 23

◀ Kerajaan melabur berbilion-bilion rupee ke dalam sistem pendidikan sebagai tonggak agenda 'pertumbuhan inklusif' yang bertujuan memastikan faedah pembangunan ekonomi mencapai rakyat miskin, yang amat bergantung kepada pendidikan yang disediakan kerajaan negeri.

### Prospek demografi

Perdana Menteri, Manmohan Singh, menyenaraikan kejayaan semasa ucapan Hari Kemerdekaan bulan lepas.

Menurut beliau, sebanyak 51,000 sekolah baharu telah dibuka dan kira-kira 700,000 guru diupah dalam tempoh dua tahun yang lalu. Untuk pertama kalinya, Hak untuk Akta Pendidikan menjamin persekolahan kerajaan negeri yang dibuka kepada kanak-kanak berusia dari enam hingga 14 tahun.

"Anak-anak kita ialah kekuatan terbesar negara kita," kata beliau.

India ialah rumah kepada bilangan kanak-kanak yang tertinggi di dunia, dan dalam beberapa dekad akan datang, akan menjadi tenaga kerja serta buruh produktif, satu terma yang digelar sebagai 'dividen demografi' oleh kerajaan dan pakar ekonomi.

Namun, prospek dividen demografi yang dipersoal, apabila berjuta-juta orang yang kurang berpendidikan tetapi dengan aspirasi tinggi, tidak akan dapat mencari pekerjaan menjadi cabaran kebangsaan, menghantui 1.2 bilion orang.

Pratham menjalankan satu kajian tahunan terhadap sekolah-sekolah luar bandar utama kerajaan negeri, yang mendapati selepas lima tahun bersekolah lebih daripada separuh kanak-kanak masih tidak dapat membaca teks

**GOLONGAN** petani di India menerima tempas daripada sistem pendidikan yang longgar apabila mereka tidak ada pilihan lain untuk menghantar anak mereka mendapat ilmu.



asas dalam bahasa ibunda mereka sendiri.

Berdiri sebagai salah satu sistem pendidikan terbesar di dunia, China turut menerima tempas pelbagai jenis teguran mengenai tahap dan standard pendidikan.

Pada Jun 2012, kira-kira 9.15 juta pelajar mengambil Peperiksaan Pendidikan Tertinggi Kebangsaan (Gao Kao) di China yang merupakan pengukur kepada segala pembelajaran mereka sepanjang pendidikan.

Melabur kira-kira empat peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kerajaan China menetapkan sembilan tahun pendidikan mandatori kepada semua kanak-kanak di negara itu dan dipercayai hampir 99 peratus mencapainya.

Namun, kritikan yang dihadapi oleh sistem pendidikan di negara itu ialah sama seperti kebanyakan sistem di negara Asia iaitu pembelajaran berasaskan hafalan. Tiada ruang untuk berfikir

di luar kotak atau penekanan terhadap cadangan kolektif seperti di Barat.

### Peperiksaan

Menurut seorang blogger berbangsa Amerika Afrika yang berkahwin dan bermau-statin di China, melalui blog, *Life Behind The Wall*, Amy Chua, 40, seorang kanak-kanak di China belajar sehingga mereka langsung tiada masa untuk bermain, bersosial atau berehat.

"Semua pembelajaran mereka akan 'direbus' dalam satu peperiksaan besar yang akan menentukan hala tuju. Peperiksaan itu akan meliputi semua yang mereka belajar dalam tempoh persekolahan."

Katanya, lebih teruk apabila seseorang pelajar tidak berjaya, mereka tidak akan mendapat tempat di universiti atau terkandas di sekolah vokasional atau berhenti belajar.

"Universiti yang menawarkan tempat belajar juga memainkan peranan.

Jika ia bukan sebuah universiti yang popular, anda mungkin mengganggu selepas tamat pengajian," katanya yang turut diakui ramai pengikutnya dalam blog tersebut.

Dalam pada itu, seorang buruh kasar yang sudah lama tinggal di Beijing, Hu Zhongping memasang impian untuk anaknya belajar hingga ke menara gading mungkin makin kabur.

Kini, dia hanya mahu anaknya bersekolah. Warganegara China, dengan separuh hidupnya di Beijing, Hu tidak mendapat akses yang sama seperti penduduk urban lain untuk pendidikan, kesihatan mahupun kemudahan.

"Saya cuma harap anak saya akan ke sekolah kerajaan negeri. Sebagai ibu bapa, saya mahu anak saya tidak mewarisi nasib saya," katanya.

Namun, kira-kira 140 juta migran luar bandar yang kini bekerja di bandar tidak mendapat manfaat yang adil dengan mereka yang tinggal di bandar, khususnya dari segi pendidikan.

Kira-kira 58 juta kanak-kanak di biarkan tinggal di perkampungan dengan harapan mereka akan dibesarkan dengan pendidikan wajar. Selebih, 19 juta lagi berada di bandar sebagai warga negara kelas kedua.

Namun, kedua-dua mereka mempunyai akses pendidikan yang lemah. "Kini, anak-anak saya, kembar berusia lapan tahun, Xiaonan dan Xiaobei, belajar dengan ibunya yang menamatkan pengajian semasa usia 16 tahun.

"Hanya mereka yang mempunyai 'hubungan' sahaja akan mendapat tempat di sekolah. Dan untuk mengadakan 'hubungan' itu pula, anda perlu banyak berbelanja," kata Hu sambil memikirkan masa depan pendidikan anaknya.